

29/04/1998

Lakukan usaha tambahan: Agong (HL)

Radzi Wahab; Ahmad Ghazali Musa

KUALA LUMPUR, Selasa - Yang di-Pertuan Agong Tuanku Ja'afar menasihati rakyat supaya melakukan usaha tambahan segera bagi mengekalkan tahap kesejahteraan hidup dalam suasana kegawatan ekonomi sekarang.

Seri Paduka berkata, antara langkah yang perlu dilakukan ialah perancangan untuk meningkatkan pendapatan di samping menitikberatkan perbelanjaan yang bijak.

"Dalam keadaan biasa, ilmu pengetahuan, usaha dan komitmen yang tinggi sudah cukup untuk mencapai tahap hidup yang lebih baik.

"Namun, dalam keadaan yang luar biasa, umpamanya dalam suasana ekonomi negara yang tertekan, usaha tambahan mesti ada bagi mengekalkan tahap kesejahteraan hidup walaupun mungkin bukan sepenuhnya," kata Seri Paduka pada Majlis Sambutan Maal Hijrah Peringkat Kebangsaan 1419 di Pusat Islam, di sini hari ini.

Turut hadir Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr Abdul Hamid Othman, jemaah menteri dan perwakilan asing.

Perhimpunan bertema 'Kesejahteraan Negara Tanggungjawab Kita' dan dihadiri kira-kira 1,300 umat Islam berlangsung secara sederhana sebagai usaha berjimat cermat.

Tuanku Ja'afar berkata, untuk mencapai kesejahteraan hidup, umat Islam perlu berusaha mengikut proses yang ditetapkan kerana ia tidak datang bergolek tanpa usaha.

"Antara proses yang mesti diikuti ialah mempunyai keinginan untuk maju dan mencapai kesejahteraan hidup, berilmu pengetahuan dan berkemahiran serta melaksanakannya secara istiqamah atau berterusan," katanya.

Menurut Seri Paduka, kerajaan sudah berusaha sedaya upaya mengekalkan tahap kemakmuran yang pernah dikecapi oleh rakyat melalui pengubahsuaian sistem ekonomi dan kewangan negara, termasuk perbelanjaan berhemat dalam sektor awam dan swasta.

"Bagaimanapun, ia tidak memadai jika rakyat sendiri tidak mengambil langkah segera bagi meningkatkan produktiviti atau sumber hidup di samping bijak dalam berbelanja setiap hari," katanya.

Sambil memanjatkan kesyukuran kerana rakyat negara ini cepat menyesuaikan diri dengan keadaan ekonomi sekarang, Tuanku Ja'afar berkata, ramai yang sudah mencari pendapatan tambahan, termasuk bercucuk tanam dan memelihara ikan di samping berbelanja secara bijak.

Sehubungan itu, Seri Paduka berkata, kejayaan pembangunan negara boleh diperbaiki lagi dengan meningkatkan produktiviti dalam sektor makanan dan infrastruktur yang berkaitan dengan peningkatan sektor pertanian.

Dalam usaha ke arah itu, Tuanku Ja'afar berkata, langkah harus diambil bagi mengelakkan penggunaan tenaga tidak penuh kerana tahap pengangguran di negara ini kini pada kadar 2.5 peratus.

"Ini bermakna kita masih mempunyai kira-kira 250,000 rakyat yang tenaga mereka tidak digunakan, iaitu daripada jumlah 10 juta rakyat yang dianggarkan layak bekerja," katanya.

Menurut Seri Paduka, jumlah itu masih besar berbanding keperluan tenaga kerja yang tidak mencukupi bagi negara ini sehingga terpaksa membawa masuk berjuta-juta rakyat asing.

Tuanku Ja'afar berharap kalangan rakyat yang lebih bernasib baik mencari kalangan saudara mara menganggur dan bersama-sama bertanggungjawab membawa mereka ke dalam masyarakat untuk memberi sumbangan tenaga bagi

meningkatkan produktiviti negara.

Justeru, Seri Paduka mengingatkan bahawa Islam amat melarang pembaziran kerana `orang yang membazir diibaratkan dalam al-Quran sebagai rakan syaitan'.

"Oleh itu, orang yang membazirkan tenaga adalah juga orang yang terpengaruh kepada suruhan syaitan dan bukan suruhan Allah," katanya.

(END)